

Alam Wanita

Sikap Islam Terhadap Perempuan

(16)

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang (digantung tidak bertali), masalah beristeri lebih dari satu atau (poligami), dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini dihuraikan oleh doktor Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir, dalam bukunya:

“Bayt al-Tā‘ah wa Ta‘addud al-Zawjāt wa al-Tālāq fī al-Islām”

Huraiannya yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah ini yang sebenarnya.

Dalam bilangan-bilangan yang lalu, telah dihuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz) dan masalah yang kedua (soal berbilang isteri), serta masalah yang ketiga (soal talak dalam Islam), dan sekarang pengarangnya menghuraikan pula tentang (sikap Islam terhadap perempuan) sebagai penutup.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh)

Kata penutup

dan menaruh belas kasihan terhadapnya. Ia telah mengambil

Sikap Islam Terhadap Perempuan

berat pada menyamakannya dengan lelaki ketika persamaan itu

wajib dilakukan untuk memelihara tarafnya dan kehormatannya, dan telah menyampaikannya dengan persamaan itu ketepat yang setinggi-tingginya, yang tidak dapat dicapai oleh mana-mana undang-undang dan peraturan dalam kalangan bangsa-bangsa yang maju dan berdasarkan demokrasi dalam zaman kita ini.

Islam tidak memisahkan keduanya melainkan apakah

pemisahan itu sangat-sangat dikehendaki untuk kebajikan

ramai dan kebajikan keluarga, dan kebajikan perempuan

sendiri, atau kerana memenuhi kehendak yang dituntut oleh

Dari segala penjelasan yang telah kita paparkan itu, nyatahal bahawa Islam telah melimpahkan kepada perempuan dengan sepenuh-penuh timbang rasa dan belas kasihan dalam segala keadaan susah sukar yang menimpa kehidupan keluarga, iaitu perkara-perkara nusyuz, talak dan berbilang isteri.

Demikian juga halnya sikap Islam terhadap perempuan dalam perkara-perkara biasa dalam alam kehidupan. mengenai keadaan seperti ini Islam telah bertimbang rasa

tabiat tiap-tiap seorang dari kedua-kedua jenis (lelaki dan perempuan) itu, dan apa yang telah disediakan untuknya, dan juga untuk menunaikan tugas-tugasnya dalam alam kehidupan.

Islam telah menyamakan keduanya dalam nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat pada dua jenis itu. Ia tidak memandang perempuan sebagaimana pandangan kebanyakan agama dan bangsa-bangsa sebelum Islam, bahawa perempuan mempunyai tabiat manusia yang rendah berbanding dengan lelaki, bahkan Islam telah menetapkan bahawa kedua-duanya mempunyai tabiat manusia yang satu, dan dari puncanya yang satu.

Tentang ini Allah ‘Azza wa Jalla berfirman:

“Yā ‘ayyuha al-nās ‘ittaqū rabbikum al-ladhī khalaqukum min nafsin wāhidah wa khalaqa minhā zavjihā wa baththa minhumā rijālān kathiran wa nisa’ā” .(1, Surah Al-Nisa’).

Ertinya: “Hai manusia-manusia yang beriman, bertakwalah kepada tuhan kamu yang telah menjadikan kamu daripada diri yang satu, dan menjadikan daripadanya: pasangan-pasangannya, serta diperbanyakkan dari keduanya: keturunan lelaki dan perempuan yang ramai.”

Pasangannya itu ialah makhluk yang berasal daripadanya juga, yang sudah tentu tidak berbeza dengannya tentang asal kejadian dan tabiat.

Dan firman-Nya lagi:

“Fastajāba lahum rabbuhm annī lā ‘adī‘u ‘amala ‘āmilin minkum min zakara wa ‘unthā ba‘dukum min b‘ad.” (195, Surah ali-Imran)

Ertinya: “Maka Tuhan mereka perkenankan seruan mereka: bahwasanya aku tidak akan sia-siakan amalan orang yang beramal di antara kamu dari lelaki dan perempuan, kerana setengah kamu berasal dari setengahnya

yang lain.”

Yakni bahawa kaum lelaki itu dari kaum perempuan, dan kaum perempuan itu pula dari kaum lelaki tidak ada perbezaan antara mereka dalam umbi tabiat manusia sehingga boleh membawa kepada perbezaan nilai-nilai amal perbuatan.

Dan firman-Nya lagi:

“Wa laqad karamnā banī ‘Adam wa hāmalnā hum fī al-bir wa al-bahr warazagnā hum min al-tayyibat wa fadlnā hum ‘alā kathīr mimman khalaqnā tafsīlān.” (70, Surah al-Isra’).

Ertinya: “dan sesungguhnya kami telah muliakan anak-anak adam, dan telah kami berikan rezeki kepada mereka dan dilawat, dan telah kami berikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik, dan telah kami lebihkan mereka atas kebanyakan makhluk yang telah kami jadikan, dengan kelebihan yang banyak.”

Kemuliaan yang diberikan oleh Allah kepada anak-anak Adam-lelaki dan perempuan adalah sama, tidak tertentu bagi satujenis sahaja dari antara mereka.

Islam juga telah menyamakan mereka dalam hak yang am, seperti hak belajar dan bekerja dan sebagainya ia telah mengharuskan perempuan belajar dengan segala caranya, bahkan telah difardukan atasnya dalam perenggan-perenggan yang membawa kepada kebaikan agamanya dan dunianya.

Tentang ini Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda:

“Talaba al-‘ilm farīdah ‘alā kulli muslim wa muslimah” Ertinya: “Menuntut ilmu adalah difardukan atas tiap-tiap muslim (lelaki) dan muslimah (perempuan).”

Rasulullah sendiri telah memberi sebaik-baik misalan secara amalan dalam hal ini, iaitu dengan apa

yang dilakukannya terhadap isteri baginda: Siti Hafsa binti Umar bin al-Khattab, yang telah belajar menulis (sebelum ia berkahwin dengan Nabi) kepada seorang jurutulis perempuan bernama (al-Shifa' al-Adawiah) baginda setelah berkahwin dengan Siti Hafsa telah meminta al-Syifa' supaya mengajar terus akan Siti Hafsa, iaitu mengajarkannya menulis khat cantik sebagaimana ia telah mengajarkannya dasar-dasar dan cara-cara tulis menulis (*al-Bilādari* dalam buku sejarahnya: *Futūh al-Buldān*).

Islam juga telah mengharuskan perempuan menjalankan apa kerja jua, dan menyandang apa jawatan pun, walau di luar rumah, selagi ia menjalankannya dengan cara sopan, dan dalam bentuk yang jauh dari tempat yang menimbulkan fitnah dan tuduhan buruk, dan selagi ia menjaga hukum dan tata tertib yang telah ditetapkan oleh Islam. Dan juga selagi kerja-kerja itu tidak membawa sesuatu kerosakan dalam masyarakat atau akhlak, dan tidak pula menghalanginya daripada menunaikan kewajipannya kepada rumah tangga, anak-anaknya dan suaminya, dan tidak memberatinya untuk melakukan sesuatu yang di luar kesanggupannya, atau yang tidak dapat dilakukan menurut tabiatnya dan persediaan semula jadinya. Atas peraturan-peraturan Islam inilah kerja-kerja yang sedemikian itu telah dilakukan dalam zaman Rasulullah *sallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* anak-anak perempuan dan isteri-isteri sahabat-sahabat Nabi dalam zaman baginda tidaklah tinggal terkurung di rumah masing-masing, bahkan mereka banyak menjalankan kerja di luar rumah.

Misalnya Siti Asma binti Abu Bakar al-Siddiq, isteri al-Zubir, yang juga menjadi saudara perempuan kepada Siti Aishah isteri Nabi, pernah menceritakan perihal dirinya dengan berkata:

"Saya biasa membuat kerja untuk (suami saya) al-Zubir, iaitu membuat kesemua kerja-kerja rumah. Saya juga menggembalakan keduanya, memberi makan, dan mencari benda-benda yang dimakan olehku itu. Saya juga menjahit timba (dari kulit), mengangkat air, dan menjunjung biji-biji khurma dari kebunnya yang terletak sejauh dua pertiga farsakh."

(Satu farsakh ialah tiga mil hasyimi, kira-kira delapan kilometer).

Islam juga telah menyamakan keduanya (lelaki dan perempuan) pada sisi undang-undang dan di dalam segala tanggungjawab dan balasan di dunia dan di akhirat kelak.

Tentang ini Allah *Subḥānahu Wa Ta'ālā* berfirman:

"Man 'amala sālihan min dhakara 'aw 'unthā wahuwa mu'min falnāhīhi hayāh ṭayyibah wa lanajziyannahum 'ajruhum bi 'aḥsan mā kānū ya'malūn." (96, Surah al-Nahl).

Ertinya: "Barangsiapa berbuat kebaikan dari lelaki atau perempuan sedang ia beriman, maka kami akan hidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan kami akan balas mereka akan pahala mereka dengan sebaik-baik balasan dari apa yang mereka telah kerjakan."

Dan firman-Nya lagi:

"Wa man ya'mal min al-ṣāliḥāt min dhakarin 'aw 'unthā wa huwa mu'min fa'ūla 'ika yadkhulūna al-jannah walā yaẓlimūna naqīrā." (154, Surah al-Nisa')

Ertinya: "Dan barang siapa mengerjakan perkara-perkara yang baik dari lelaki atau perempuan sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka tidak akan dianiaya walau sedikit juapun."

Dan firman-Nya lagi:

“lilrijāl naṣīb mimma ’iktaṣibū wa linnisa ’i naṣīb mimmā ’iktaṣibna.” (32, Surah al-Nisa’)

Ertinya: “Lelaki –lelaki beroleh bahagian dari apa yang mereka telah usahakan, dan perempuan-perempuan beroleh bahagian dari apa yang mereka telah usahakan.”

Dan firman-Nya lagi,

“al-zāniyatū wa al-zānī fājlidū kullu wāhidin minhumā mi’atīn jildah, wa lā ta’khuzukum bihimā ra’fah fī dīnī Allāh.”

(2, Surah al-Nur).

Ertinya: “perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina maka deralah (sebatlah) tiap-tiap seorang dari mereka seratus kali sebat, dan janganlah kamu menaruh belas kasihan kepada mereka berdua dalam menjalankan agama Allah”.

Dan firman-Nya lagi:

“wa al-sāriq wa al-sāriqatu f’aqṭa ‘ū ‘aydīhimā juz’ an bimā kasabān nakālān min Allāh, wa Allāh ‘azīz ḥakīm.” (38, Surah al-Maidah).

Ertinya: “lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri itu, hendaklah kamu potong tangan mereka, sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan, dan sebagai siksa yang menggerunkan dari Allah, sesungguhnya Allah maha berkuasa lagi maha bijaksana.”

Islam juga telah menyamakan keduanya (lelaki dan perempuan) dalam hak-hak secara awam. Ia telah memberikan kepada perempuan akan segala hak yang telah diberikan kepada lelaki dari jenis hak-hak yang tersebut, tidak ada bezanya dalam hal itu baik ia bersuami atau tidak. Perkahwinan dalam Islam adalah berlainan daripada perkahwinan dalam kalangan kebanyakan bangsa-bangsa barat yang beragama Kristian. Perkahwinan dalam Islam tidak menghilangkan nama perempuan atau peribadinya secara awam, atau kelayakannya dalam mengikat

perjanjian atau pun haknya pada memiliki sesuatu, bahkan perempuan Islam akan berkekalan kemudian daripada perkahwinannya memelihara namanya dan nama keluarganya, dan segala haknya secara awam, dan kelayakannya untuk bertanggungjawab dan menjalankan segala jenis akad seperti berjual beli, menggadai, memberi (hebah) (pemberian), berwasiat, dan sebagainya. Ia juga berkekalan memelihara haknya pada memiliki hak milik yang bersendirian. Perempuan yang bersuami, menurut Islam, mempunyai peribadinya secara awam, yang sempurna, dan harta kekayaannya yang khas yang bersendirian daripada suaminya dan harta kekayaannya. Tidak harus bagi suami mengambil sesuatu daripada hartanya, banyak atau sedikit.

Tentang ini Allah ‘Azza wa Jalla berfirman:

“ ” (20,21, Surah al-Nisa’)

Ertinya: “Dan jika kamu mahu menukar seseorang isteri di tempat seseorang isteri, dan kamu pula telah beri kepada salah seorang daripada mereka beberapa banyak harta, maka janganlah kamu ambil sesuatu pun daripadanya. Patutkah kamu mengambilnya secara berdusta dan dengan melakukan dosa yang nyata?! Dan bagaimana pula kamu tergamac mengambilnya pada hal kamu masing-masing telah bersatu (menjadi suami isteri) dan mereka (isteri-isteri itu) telah mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu?!”

Dan firman-Nya lagi:

“walā yaḥillu lakum ‘an ta’khuzū mimmā ‘ataytumūḥunna shay’ān.”

(229, Surah al-Baqarah)

“Ertinya: “Dan tidak halal bagi kamu jika kamu mengambil sesuatu dari apa yang kamu telah berikan kepada mereka.”

Jika si suami tidak diharuskan mengambil sesuatu dari pemberiannya yang telah diberikan kepada isterinya dahulu, maka sudah tentu ia tidak diharuskan mengambil sesuatu dari hak milik isterinya sendiri, kecuali kalau isterinya reda dan ikhlas supaya ia mengambilnya.

Tentang ini Allah ‘Azza wa Jalla berfirman:

“Wa ’ātū an-nisā’ a ṣaduqātihinna nīḥlāt fa ’in tibnā lākum ’an shay’ in minhu nafṣan fakulūhū hanī’am mar ’ītā” (4, Surah al-Nisa’)

Ertinya: “Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mas kahwin-mas kahwin mereka iaitu pemberian yang diwajibkan. Tetapi jika mereka berikan kepada kamu sebahagiannya daripadanya dengan reda hati mereka, maka bolehlah kamu makan dia dengan senang lenang.”

Demikian juga tidak halal bagi suami berlaku bebas dalam sebarang harta isterinya kecuali isterinya memberi izin (izin) atau berwakil kepadanya dalam mengikat suatu perjanjian. Dalam hal ini harus bagi isteri membatalkan perwakilan suaminya dan melantik orang lain menjadi wakilnya jika ia suka.

Persamaan yang sedemikian ini tidak dapat dicapai oleh seorang Undang-undang yang terbaru sekali dalam kalangan umat-umat yang maju sekali dan berdasarkan demokrasi dalam zaman ini. Keadaan perempuan di negeri Perancis, misalnya, masih berkekalan hingga zaman ini dalam keadaan yang menyerupai hamba abdi. Undang-undang negeri telah mencabut beberapa hak daripada perempuan dalam kebanyakan

urusan awam, sebagaimana yang tersebut di dalam undang-undang negeri Perancis (perkara: dua ratus tujuh belas) yang menetapkan bahawa (perempuan yang bersuami sekalipun perkahwinannya terdiri di atas asas pemisahan di antara hak miliknya dengan hak milik suaminya, tidaklah harus kiranya jika ia memberikan (sesuatu hartanya sebagai pemberian), atau memindahkan hak miliknya, atau menggadainya, atau memiliki dengan jalan ganti atau sebaliknya, dengan tidak memasukkan suaminya bersama di dalam membuat perjanjian, atau persetujuannya atas perkara itu dengan bersurat) walaupun undang-undang yang tersebut telah ditambah dan dipinda sesudah itu, tetapi banyak dari kesan-kesannya masih mengikat perempuan Perancis dari segi undang-undang hingga hari ini.

Bagi menguatkan bentuk perhambaan secara undang-undang yang telah diwajibkan atas perempuan barat yang bersuami, undang-undang umat barat menetapkan bahawa sebaik-baik sahaja perempuan berkahwin maka ia akan kehilangan namanya dan nama keluarganya. Ia tidak lagi bernama si anak binti si anak, bahkan ia akan membawa nama suaminya dan keluarganya, lalu disebut madam si anak, atau ia menghubungkan namanya dengan nama suaminya dan keluarganya sebagai ganti daripada menghubungkannya dengan nama bapanya dan keluarganya. Kehilangan nama perempuan dan bawaannya memakai nama suaminya, semuanya itu menunjukkan kepada kehilangan peribadiannya dalam undang-undang negeri dan kemasukannya ke dalam peribadi suami.

Yang ganjilnya banyak di antara perempuan-perempuan Mesir cuba meniru perempuan-perempuan barat sehingga dalam peraturan yang zalim ini. Mereka reda akan kedudukan yang rendah itu, lalu menamakan dirinya dengan nama suaminya,

sambungannya pada muka 37

Alam Wanita

Sambungan dari muka 19

menunjukkan setakat mana melampaunya perbuatan mereka meniru secara buta tuli. Yang lebih ganjil lagi ialah golongan-golongan perempuan Islam yang terdorong meniru Barat secara buta tuli itu ialah mereka juga yang menuntut hak persamaan dengan kaum lelaki. Sedang mereka tidak mengetahui bahawa dengan gerak langkahnya itu mereka akan melepaskan hak yang utama yang telah diberikan oleh Islam kepada mereka, dan yang telah mengangkat kedudukan mereka dan menyamakannya dengan kaum lelaki.

* * *

atau menghubungkan namanya dengan nama suaminya dan keluarganya sebagai ganti dari menghubungkannya dengan nama bapanya dan keluarganya sebagaimana ketetapan peraturan Islam.

Siti Aishah misalnya tidak menamakan dirinya Aishah Muhammad, tetapi ia menamakan dirinya dan dinamakan oleh umat Islam: Aishah binti Abu Bakar (al-Siddiq), pada hal ia isteri semulia-mulia makhluk Allah. Gerak langkah perempuan-perempuan Islam yang keberatan dalam hal ini

Bacalah! Florinda Puteri Sepanyol Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita yang indah dan menarik, buah qalam Jurji Zaydan, pengarang Mesir yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh pahlawan Islam yang masyhur- Tariq bin Ziyad, menggempur tentera Sepanyol dan menghancur leburkan pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan dan tamadun yang tinggi di semenanjung Sepanyol dan berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa di lapan kurun.

2 penggal tamat. Sepenggal \$1.20

(Naskhah Rumi: Sebuah \$ 3.00)

Pesanlah kepada Penerbitan:

Qalam, Singapura

Islam tidak membezakan di antara lelaki dengan perempuan melainkan apabila perbezaan yang tersebut tertuntut kerana menimbulkan keadaan tiap-tiap seseorang dari kedua-dua jenis itu, dan persediannya (semula jadi) untuk menunaikan tugasnya yang ditentukan dan juga kerana menjamin kebajikan am, dan kebajikan keluarga, serta kebajikan perempuan itu sendiri. Misal perbezaan di antara lelaki dengan perempuan dalam soal harta pusaka. Islam menetapkan bahagian lelaki lebih besar daripada bahagian perempuan. Tentang ini Allah Ta’ala berfirman:

“yūṣīkumu Allāh fī awlādikum lidhakarīn mithlu ḥaḍī

al-’unthayayn.” (11, Surah al-Nisa’

Ertinya: “Allah mewasiatkan (mewajibkan) kamu mengenai anak-anak kamu, iaitu bahagian bagi seorang anak lelaki seperti bahagian dua anak perempuan.”

Dan firman-Nya lagi:

“walakum nisfūn mā taraka ’azwajukum ’in lam yajun lahunna walad, fa ’in kāna lahunnawaladun falakum rub’u mimmā tarakna min ba’di waṣiyati yūṣīna bihā aw dayn, wa lahunna al-rub’u mimmā taraktum ’in lam yakun lakum walad, fa ’inkāna lakum waladun falahunna

al-thumun mimmā taraktum min ba'di waṣiyatin tūṣūna bihā aw dayn."

(12, Surah al-Nisa')

Ertinya: "Dan kamu mendapat separuh daripada yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu, jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi, jika mereka mempunyai anak, maka kamu mendapat satu perempat daripada yang mereka tinggalkan setelah disempurnakan wasiat yang mereka wasiatkan atau hutang. Dan isteri-isteri itu pula mendapat satu perempat dari yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi jika kamu mempunyai anak maka mereka (isteri-isteri itu) mendapat satu perlapan dari yang kamu tinggalkan setelah disempurnakan wasiat yang kamu wasiatkan atau hutang."

Dan firman-Nya lagi:

"*wa 'in kānū'ikhwah rijālān wa nisā'i fa lil dhakari mithlu hāzi al-'unthayayn.*" (176, Surah al-Nisa')

Ertinya: "Dan jika mereka (yang adik beradik) itu, lelaki dan perempuan, maka bahagian bagi lelaki seperti bahagian dua perempuan."

Perbezaan ini telah dibina di atas asas perbezaan di antara tanggungan lelaki dalam segi iktisad dan tanggungan perempuan. Tanggungjawab lelaki dalam kehidupan yang berupa kebendaan adalah lebih besar daripada tanggungjawab perempuan. Lelaki ialah ketua keluarga, dialah yang menanggungnya, dan yang diwajibkan menanggung nafkah tiap-tiap seseorang anggota keluarganya jika ia beristeri, atau akan menjadi bakal pemikul kewajipan setelah ia beristeri kelak. Lelaki juga yang diwajibkan menanggung nafkah ibu bapa dan kaum kerabatnya. Sedang

perempuan tidak diwajibkan oleh Islam menanggung

nafkah-nafkah yang tersebut, hatta nafkah dirinya sendiri. Kalau

ia tidak bersuami maka nafkahnya waib atas waris-waris

kuatnya dan kaum kerabatnya menurut susunan yang ditetapkan

oleh Islam bagi mereka tentang kewajipan menanggung

nafkah yang tersebut. Kalau pula perempuan itu bersuami

maka nafkahnya dan nafkah anak-anaknya dan rumahtangganya

ditanggung oleh suami, tidak ada bezanya dalam hal

itu adakah ia (isteri) kaya atau miskin. Oleh

itu maka amatlah adilnya lelaki mendapat bahagian lebih besar

dari bahagian perempuan dalam harta pusaka, supaya

yang demikian itu menjadi bantuan kepadanya untuk

menjalankan tanggungan-tanggungan yang berat yang telah dibebankan oleh

Islam kepadanya. Sedang tanggungan-tanggungan yang berat itu tidak

diwajibkan oleh Islam atas perempuan, kerana

bertimbang rasa dan belas kasihan kepadanya, dan juga

untuk menjamin kebahagiaan keluarga. Bahkan Islam

telah berlebih-lebihan pada memberikan keraian kepada perempuan.

kerana telah diberikan kepadanya seperdua dari bahagian

seorang lawannya dari kaum lelaki dari harta pesaka,

sedang ia (si perempuan) dibebaskan daripada menanggung

nafkah hidup dan meletakkan kesemuanya di atas tanggungan

lelaki.

"*dhalika al-dīnu al-qayyim, walakin 'aktharu al-nnās lā ya 'lamūn.*"

"Itulah dia agama yang lurus, (benar dan betul) tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya."

Sadaq Allah al-'azīm.

Tamat